

04 SEP 1998

Pemuda-Perak

PEMUDA PERAK AKAN AMBIL PENDIRIAN

IPOH, 4 Sept (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno Perak akan mengadakan mesyuarat khas dalam masa dekat bagi mendapatkan pandangan pemimpin peringkat bahagian sebelum mengambil apa-apa pendirian berhubung pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada parti dan kerajaan.

Ketuanya, Jamal Nasir Rasdi berkata ketua pergerakan di peringkat bahagian akan diminta memberi pandangan masing-masing sebelum pergerakan itu membuat keputusan dan tindakan yang terbaik berkaitan perkara itu.

Beliau berkata pergerakan itu akan menyatakan pendiriannya pada akhir mesyuarat itu.

"Pemuda Perak perlu meneliti isu itu dengan matang tanpa dipengaruhi mana-mana pihak kerana kita menganggap isu yang berlaku dalam parti itu merupakan isu besar kerana ia menentukan masa depan generasi kita pada masa depan," katanya selepas menghadiri mesyuarat Badan Perhubungan Umno Negeri di sini petang ini.

Ketua Pergerakan Wanita Umno Negeri, Ainon Khariyah Yeop Abas berkata pergerakan itu juga akan mengadakan mesyuarat dengan ketua-ketua pergerakan wanita peringkat bahagian tidak lama lagi bagi menjelaskan keputusan pemecatan Anwar oleh Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Wanita Perak menganggap keadaan sekarang memerlukan pergerakan itu bekerja lebih keras memberi penjelasan kepada anggota parti selain meneruskan agenda penerangan mengenai kegawatan ekonomi serta tugas-tugas menghadapi pilihan raya umum, katanya.

"Pergerakan Wanita Perak menghormati keputusan Dr Mahathir kerana yakin beliau pasti mempunyai alasan dan fakta kukuh yang mewajarkannya membuat keputusan yang mengejutkan itu," tegas beliau.

Sementara itu, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata, mesyuarat itu memutuskan supaya Biro Penerangan Umno Negeri menganjurkan gerakan memberi penjelasan mengenai isu ekonomi di peringkat negeri dan bahagian.

Mesyuarat turut membincangkan persiapan Umno Negeri menghadapi pilihan raya umum dengan mengarahkan Ketua-Ketua Umno Bahagian mengemaskinikan Bilik Gerakan masing-masing termasuk mendapatkan senarai terkini daftar pengundi daripada Suruhanjaya Pilihanraya, katanya.

Ketua-ketua Bahagian perlu mengenal pasti masalah berbangkit selain meneliti kecenderungan pengundi di kawasan masing-masing supaya tidak timbul masalah menjelang pilihan raya kelak, tambah beliau.

-- BERNAMA

LAT KHY